

KERAJAAN NEGERI KELANTAN
JABATAN PENGAIRAN DAN SALIRAN
NEGERI KELANTAN



NOTIS SEBUTHARGA

1. Sebutharga adalah dipelawa daripada kontraktor-kontraktor yang dibenarkan membuat tawaran buat masa ini bagi kerja berikut:

NO. SEBUTHARGA : JPS/KN/PM/PPPP/SH/06/2025(N)

**TAJUK : KERJA-KERJA MENAIKTARAF INFRASTRUKTUR
 PERTANIAN SERTA KERJA-KERJA BERKAITAN DI KG.
 BENDANG SAPI, RANTAU PANJANG KELANTAN.**

2. Kontraktor-kontraktor yang ingin menyertai Sebutharga ini hendaklah berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Malaysia (CIDB) dan mempunyai perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK), Sijil Taraf Bumiputera (STB), serta Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) di bawah bidang berikut:

GREED : G1
KATEGORI : CE (Pembinaan Kejuruteraan Awam)
PENGKHUSUSAN : CE 21 (Kerja-Kerja Am Kejuruteraan Awam)

3. Segala maklumat dan dokumen Sebutharga boleh didapati semasa waktu pejabat di **Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Jajahan Pasir Mas**, Kg. Padang To' La, 17000 Pasir Mas, Kelantan mulai dari **22hb APRIL 2025 (SELASA)**.
4. Dokumen Sebutharga kerja hanya akan dikeluarkan kepada kontraktor / penama syarikat yang membawa Sijil Pendaftaran **ASAL** (PPK dan SPKK) yang dikeluarkan oleh Lembaga Pembangunan Industri Malaysia (CIDB).
5. Kontraktor yang ingin memasuki Sebutharga di atas adalah dikehendaki mengeluarkan **Wang Pos / Wang Kiriman Pos / Tunai** berharga **RM 40.00** (Ringgit Malaysia : Empat puluh Sahaja) yang dibuat atas nama **Pengarah Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Kelantan** sebagai bayaran dokumen Sebutharga.
6. Taklimat dan lawatan tapak sebutharga adalah **DIWAJIBKAN** dan hanya kontraktor yang menghadiri taklimat dan lawatan tapak dibenarkan mengambil dokumen Sebutharga. Kontraktor hendaklah melaporkan diri pada **22hb APRIL 2025 (SELASA)** jam **9.30 pagi** hingga jam **10.30 pagi** di **JPS Pasir Mas**.
7. **Hanya penama syarikat di dalam Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) / Sijil Akaan Pendaftaran Syarikat sahaja boleh menghadiri taklimat sebutharga dan lawatan tapak.**
8. Sebut Harga ini akan ditutup pada **29hb APRIL 2025 (SELASA)** jam **12.00 tengahari**. Dokumen Sebutharga hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Sebutharga di **Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Jajahan Pasir Mas**, Kg. Padang To' La, 17000 Pasir Mas, Kelantan. Tidak lewat dari jam 12.00 tengah hari pada hari tersebut.

Tandatangan

Nama

Jawatan

Tarikh


Ir AHMAD TARMIZI BIN MAT TAIB
Jurutera Jajahan (J12)
JPS Pasir Mas, Kelantan

15/4/2025